



TERMETERAI ... Ab.Rahim (duduk, dua dari kiri) menyaksikan upacara menandatangani penyerahan ke atas kedua-dua projek institusi pengajian tinggi itu diantara Ir.Annies; Dr.Kamarulzaman dan pihak Politeknik Sandakan.



SIMBOLIK .... Ab.Rahim (tengah) menerima kunci daripada wakil kontraktor sebagai simbolik tanda penyerahan projek ke atas kedua-dua institusi pengajian tinggi itu.

# Manfaatkan kemudahan Sekolah Pertanian Lestari UMS, Politeknik Sandakan: Ab Rahim

NST 31.12.2011 3

OLEH ROZZALIN HASHIM  
rozzalin@newsabahtimes.com.my

**SANDAKAN:** Sejumlah RM230 juta dibelanjakan bagi menyiapkan Sekolah Pertanian Lestari, Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan RM126.7 juta untuk Politeknik Sandakan yang telah siap sekali gus mampu melahirkan siswa dan siswazah yang hebat dalam pelbagai bidang.

Kedua-dua sekolah yang berkeluasan 244.64 ekar dan 96.86 ekar itu terletak di kawasan Hub Pendidikan Sandakan, Jalan Sungai Batang, Batu 11, dekat sini.

Ketua Setiausaha di Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Malaysia, Datuk Ab.Rahim Md.Noor, berharap agar semua kemudahan yang ada di sekolah berkenaan dimanfaatkan dengan sebaik mungkin.

Menurut beliau, kementeriannya juga amat berterima kasih dan berpuas hati atas hasil kerja kualiti pembinaan yang telah disiapkan sambil berharap agar kedua-dua tempat yang indah serta canggih ini dapat melahirkan golongan siswa dan siswazah yang hebat sejajar dengan matlamat pendidikan negara.

“Saya ingin melihat bangunan-bangunan yang telah siap ini menjadi projek ‘Value For Money’ dan menjadi sebuah institusi yang terulung dan menjadi kemegahan kepada setiap orang yang menjayakan pembinaan projek ini.

“Pada masa yang sama juga, menjadi kemegahan kepada setiap orang yang akan berpeluang untuk mengikuti pembelajaran di kedua-dua kolej tersebut,” katanya.

Sehubungan dengan itu, katanya, pihak kementerian mengucapkan syabas dan tahniah kepada Perwira Progresif Construction Sdn Bhd yang menyiapkan Sekolah Pertanian Lestari UMS sementara Kurnia Tunggal Sdn Bhd dan Konsortium Perkasa Sutera Sdn Bhd kerana menyiapkan Politeknik Sandakan.

“Bagi pihak kementerian kami, saya sekali lagi merakamkan ribuan terima kasih kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) khususnya Cawangan Pendidikan dan Pengajian Tinggi yang telah memberikan kerjasama sepenuhnya kepada KPT dalam menyiapkan projek tersebut dan juga projek-projek lain dibawah kendalian

pihaknya di dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9),” tambahnya.

Ab.Rahim menyatakan demikian ketika berucap pada Majlis Penyerahan Projek Sekolah Pertanian Lestari UMS dan Politeknik Sandakan di sini, kelmarin.

Hadir sama Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pengurusan) JKR, Dato' Ir.Annies Md.Arif; Naib Canselor UMS, Prof.Datuk Seri Dr.Kamarulzaman Hj Ampon dan Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Politeknik KPT, Brs.Mejar (K) Haji Md.Nor Yusof.

Menurut Ab.Rahim, dengan adanya kemudahan Sekolah Pertanian Lestari UMS dan Politeknik Sandakan tentunya akan memahat satu lagi sejarah dalam perkembangan pendidikan tanah air.

Ini katanya, kedua-dua institusi pengajian tinggi yang lengkap dengan segala kemudahan tentunya mampu menjana modal insan yang berkualiti bagi keperluan pembangunan negara di masa hadapan.

Terdahulu dari itu, Ir.Annies semasa berucap berkata pihak JKR merasa bangga kerana telah diberi kepercayaan dan tanggungjawab bagi melaksanakan projek ke atas kedua-dua institusi pengajian tinggi itu di bawah RMK-9.

Katanya, projek Sekolah Pertanian Lestari UMS ini merupakan projek yang terakhir disiapkan daripada empat projek UMS yang dilaksanakan oleh JKR di mana tiga lagi projek UMS iaitu Sekolah Perubatan UMS, Dewan Kuliah Pusat dan Institut Penyelidikan Bioteknologi telah dapat disiapkan dan sudah pun dibuat penyerahan.

“Tapak projek Sekolah Pertanian Lestari UMS ini adalah berkeluasan 102 hektar, manakala Politeknik Sandakan pula seluas 40 hektar yang terletak di dalam kawasan Hub Pendidikan Sandakan.

“Walaupun di peringkat awal pembinaan dulu, pihak JKR berdepan dengan beberapa masalah seperti pengambilan balik tanah dan setinggan tetapi hasil dari kerjasama erat dari semua agensi yang terlibat terutama sekali pihak KPT sendiri, segala masalah telah dapat diatasi,” jelasnya.